

CHEW FONG PENG
ABDUL JALIL OTHMAN

Pengabaian Kemahiran Mendengar dan Bertutur dalam Bilik Darjah di Sekolah Menengah: Punca, Masalah dan Kesannya di Malaysia

ABSTRACT

Listening, speaking, reading and writing are the four basic competency skills in the teaching and learning process of the Malay Language in schools. However, listening and speaking skills tend to be neglected either in primary or secondary schools, but the situation in secondary schools are more serious. This study is carried out to observe the causes, problems and effects of the negligence of listening and speaking skills among the secondary schools students. Descriptive statistic analysis shows that the native speakers gain a higher score in the two skills compared to non-native speakers. The main cause that teachers neglect these skills is students dislike to give their opinions verbally due to their poor mastery of vocabulary and lack of self-confidence. Teachers are regarded as not spending their time in teaching listening and speaking skills in class and they tend to focus more on reading and writing skills. On students' view, they are facing the interference of their mother tongue language. Hence forth, the Education Minister, the State Education Department, teachers and students need to pursue high awareness about the importance of mastering the listening and speaking skills because these skills are the most important and they are the basic skills in our daily life.

Key words: *listening, speaking, reading and writing's competencies, and the problems and effects of the negligence all of it among the Malaysian's secondary schools students.*



Dr. Chew Fong Peng ialah Pensyarah di Fakulti Pendidikan UM (Universiti Malaya), Kuala Lumpur, Malaysia. Beliau dilahirkan di Klang, Selangor, Malaysia pada 21hb November 1971. Beliau berkelulusan Ph.D. daripada Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (PPKKM) UKM Bangi pada tahun 2003. Tajuk thesis Ph.D. beliau adalah "Peranan Sastera Kebangsaan dan Persepsi dalam Pembentukan Perpaduan Nasional: Satu Kajian di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur". Beliau boleh dihubungi dengan alamat e-mail: fpchew@um.edu.my.



Dr. Abdul Jalil Othman ialah Pensyarah di Fakulti Pendidikan UM (Universiti Malaya), Kuala Lumpur, Malaysia. Dilahirkan di Kedah, Malaysia pada 4hb Mac 1959. Beliau berkelulusan B.Ed.(Hons.) dan M.Ed. daripada UPM (Universiti Putra Malaysia) Serdang, Selangor, pada tahun 1991 dan 1997; dan Ph.D. daripada UM (Universiti Malaya), Kuala Lumpur, pada tahun 2007. Tajuk tesis Ph.D. beliau adalah "Perkaitan Semantik dalam Penulisan Bahasa Melayu Pelajar Ijazah Dasar". Beliau boleh dihubungi dengan alamat: Jabatan Pendidikan Bahasa, Fakulti Pendidikan UM (Universiti Malaya), Kuala Lumpur. e-mail: jalil@um.edu.my.

PENDAHULUAN

Mendengar dan bertutur merupakan satu daripada unsur komunikasi yang tertua, terpenting dan paling kerap digunakan. Namun sebagai kemahiran dalam pembelajaran bahasa, mendengar dan bertutur merupakan bahagian yang paling kerap diabaikan. Mendengar dan bertutur merupakan kemahiran yang utama dan pertama dikuasai oleh kanak-kanak. Dalam proses pemerolehan bahasa kanak-kanak didapati bahawa sebelum perkataan atau bunyi pertama keluar dari mulut bayi, bayi itu telah terdedah lebih dahulu kepada bunyi bahasa dan bukan bahasa secara sengaja atau tidak sengaja.

Hal ini bermakna bahawa mendengar dan bertutur merupakan asas kemahiran berbahasa. Salah satu sebabnya ialah mendengar merupakan suatu kemahiran yang paling awal muncul berbanding dengan kemahiran-kemahiran yang lain. Dari segi urutannya dapat dikatakan bahawa kanak-kanak akan mendengar lebih dahulu daripada bertutur, bertutur lebih dahulu daripada membaca dan membaca lebih dahulu daripada menulis (Asmah Haji Omar, 2004).

Kemahiran berbahasa seperti mendengar, bertutur, membaca dan menulis dapat dibahagikan kepada dua jenis kemahiran komunikasi. Kemahiran mendengar dan membaca dianggap sebagai kemahiran menerima komunikasi, manakala kemahiran bertutur dan menulis dikelompok sebagai kemahiran menyampaikan komunikasi. Kemahiran mendengar dan bertutur menggunakan media lisan (*audio-oral*), sementara kemahiran menulis dan membaca menggunakan media tulisan (*visual grafik*). Hal ini dapat ditunjukkan dalam jadual berikut:

Jadual 1
Kemahiran Asas Bahasa

Media Bahasa	Kemahiran menyampaikan komunikasi	Kemahiran menerima komunikasi
Lisan (<i>Audio-Oral</i>)	Bertutur	Mendengar
Tulisan (<i>Visual-Grafik</i>)	Menulis	Membaca

(Abdul Aziz Abdul Talib, 1993).

KONSEP KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

Kemahiran mendengar biasanya dianggap sebagai satu kemahiran yang diperoleh secara semula jadi oleh penutur sesuatu

bahasa. Anggapan seperti ini menyebabkan kemahiran ini diabaikan dalam pengajaran bahasa. Tetapi dalam konteks pengajaran bahasa pada dekad ini, pengajaran kemahiran ini dipentingkan. Kemahiran ini perlu diajar secara sistematis supaya pelajar akan berkebolehan mendengar secara berkualiti dan seterusnya dapat menggunakan hasil pendengaran untuk berinteraksi dengan anggota masyarakatnya (Yahya Othman, 2005).

Kajian C.M. Feyten (1991) menunjukkan bahawa sebahagian besar pengetahuan kita diperoleh melalui pendengaran, tetapi kita dapat mengingat hanya lebih kurang 25 peratus daripada apa-apa yang kita dengar. Mendengar seharusnya merupakan suatu aktiviti yang aktif dan melibatkan pendengar dari segi mental, iaitu memahami dan menilai maklumat yang didengar.

Terdapat tiga perkara yang boleh mempengaruhi pemahaman dalam mendengar. *Pertama*, pengetahuan tentang sistem bahasa lisan, iaitu tentang sistem bunyi (fonologi), struktur ayat (sintaksis) dan sistem makna (semantik). *Kedua*, teks atau bahan (perkara, topik maklumat, cerita, mesej, idea, fakta, berita dan lain-lain) yang didengar. Dan *ketiga*, pengetahuan latar belakang, iaitu pengetahuan sedia ada yang ada pada diri pendengar yang berkaitan dengan teks atau bahan yang didengar (Widdowson, 1983; dan Mazlan Rais, 2000).

Oleh itu, mendengar adalah kemahiran bahasa yang penting dan perlu dipelajari secara intensif, terutama semasa pelajar di sekolah rendah dan menengah seperti yang terkandung dalam *Sukatan Pelajaran Sekolah Rendah* tahun 1983 dan *Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah* tahun 1988 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1983 dan 1988). Aktiviti mendengar perlu dikuasai kerana penggunaannya yang begitu meluas dalam kehidupan. Dianggarkan lebih kurang 60% daripada masa pengajaran dan pembelajaran adalah bagi tujuan mendengar .

Kemahiran mendengar secara berkesan dapat mewujudkan suasana berkomunikasi yang baik dengan penyaluran mesej secara dua hala dan menghasilkan persefahaman secara optimum. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa, pelajar perlu menguasai kemahiran mendengar supaya membolehkan mereka menguasai kandungan mata pelajaran yang disampaikan oleh guru dalam pengajarannya. Keupayaan mendengar yang baik juga satu kelebihan terutamanya bagi memastikan proses pembelajaran dan pengajaran berlangsung dengan lancar.

Kemahiran bertutur pula merupakan kemahiran lisan yang amat penting, sama ada dalam situasi formal atau tidak formal. Kemahiran ini penting bagi seseorang itu dalam hubungannya dengan orang lain. Pertuturan yang diadakan lazimnya membawa maksud tertentu. Menurut Roselan Baki (2006), manusia bercakap untuk tujuan-tujuan tertentu seperti keseronokan, tujuan memaklumkan sesuatu, tujuan mempengaruhi dan tujuan menyelesaikan masalah.

Keupayaan menuturkan sesuatu bahasa itu dapat mempercepatkan pemahaman pelajar, terutama yang berkaitan dengan komunikasi interpersonal. Pengajaran dan pembelajaran kemahiran ini memerlukan pendekatan yang sesuai terutama apabila berhadapan dengan kumpulan pelajar yang berlainan, seperti keperluan bagi mempelajari bahasa pertama ataupun bahasa kedua.

W.M. Rivers (1983) dan Malamah-Thomas (1987) yang menjalankan kajian tentang aktiviti lisan mendapati unsur interaksi amat penting dalam aktiviti lisan. Unsur interaksi antara penutur dengan pendengar, dan antara penutur dengan penutur, akan menghidupkan situasi dan akan menjadikan simulasi lebih realistik seperti keadaan yang sebenarnya. Aktiviti lisan merupakan aktiviti bahasa yang paling penting dalam kehidupan manusia sehari-hari. Maka, dalam apa jua aktiviti bercakap yang dipilih oleh guru untuk melatih pelajar-pelajarnya, aspek interaksi yang menggambarkan situasi dalam situasi lisan yang sebenarnya perlu wujud.

Satu kajian tentang kemahiran bahasa telah dijalankan oleh J.A. Rankin (1999). Beliau telah menyelidik apa-apa yang telah dilakukan oleh orang dewasa pada setiap hari. Dapattannya menunjukkan bahawa 70 peratus daripada masa orang dewasa digunakan untuk salah satu kegiatan berkomunikasi, dan setelah diperinci didapati bahawa 42 peratus daripada masa untuk berkomunikasi itu digunakan untuk mendengar, 32 peratus untuk bercakap, 15 peratus untuk membaca, dan 11 peratus untuk menulis.

Mengikut kajian Raminah Sabran (1991), jika seseorang itu ingin meluaskan ilmu pengetahuan, mereka perlu menguasai kemahiran bertutur supaya mahir dan cekap membaca. Seseorang itu juga perlu menguasai kemahiran menyebut bunyi-bunyi huruf yang tertera di dalam teks yang dibacanya, di samping dapat menyebut dalam gabungan yang didukung oleh setiap perkataan mengikut konteks ayat dalam petikan yang dibacanya itu.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi & Jamaluddin Badusah (2006) ke atas pelajar

Melayu, Cina dan India yang berinteraksi di luar kelas, mendapati status kemahiran bertutur Bahasa Melayu pelajar lelaki lebih baik daripada pelajar perempuan. Pelajar luar bandar pula menguasai kemahiran bertutur lebih baik daripada pelajar bandar. Dari segi keupayaan pula jelas bahawa pelajar cerdas lebih terserlah berbanding pelajar sederhana dan lambat. Pelajar Melayu pula telah mengatasi pelajar-pelajar Cina dan India dari segi etnik.

PERNYATAAN MASALAH, OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Penguasaan bahasa untuk berkomunikasi merupakan matlamat pengajaran bahasa di sekolah. Untuk mencapai penguasaan bahasa pada tahap yang paling tinggi ini guru harus memberi penekanan yang sama rata terhadap keempat-empat kemahiran berbahasa, iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Dari segi amalannya, guru lebih menitikberatkan pengajaran dan latihan pembacaan dan penulisan, pada hal aspek ini tidak begitu banyak dilakukan oleh pelajar berbanding aspek mendengar dan bertutur. Amalan sedemian tidak wajar kerana pengajaran dan latihan pendengaran diutamakan dan diberikan asas yang kukuh sebelum pelajar-pelajar diajar bertutur, membaca dan menulis.

Kemahiran mendengar dan bertutur ini sangat penting dan kepentingan aspek ini tidak dapat dipertikaikan lagi kerana apabila seseorang itu berkomunikasi, dia sebenarnya melakukan aktiviti mendengar dan bertutur iaitu satu proses dua hala. Aspek ini memang diketahui oleh guru-guru, tetapi apabila mereka mengajar aspek lisan di dalam kelas ternyata kebanyakan guru lebih memberikan penekanan terhadap kemahiran bertutur sahaja.

Kemahiran mendengar dan bertutur jarang-jarang ditekankan di dalam pengajaran dan pembelajaran kerana guru lebih mementingkan kemahiran menulis dan membaca. Jika kemahiran tersebut diajarkan pun, guru tidak menggunakan kaedah dan teknik yang sesuai. Kebanyakan guru mengajarkan kemahiran tersebut dengan cara menyuruh pelajar-pelajar mendengar penerangan guru atau bacaan rakan di dalam kelas.

Tujuan kajian ini adalah untuk mengesan dan mengenal pasti punca-punca, masalah-masalah dan kesan-kesan daripada kemahiran mendengar dan bertutur diabaikan dalam kalangan penutur jati dan bukan penutur jati. Hasil kajian ini dapat membantu pihak-pihak tertentu untuk menggubal dan merangka strategi dalam

mempertingkatkan lagi pengajaran dan pembelajaran asas kemahiran-kemahiran, terutamanya kemahiran mendengar dan bertutur. Antara objektif kajian yang telah kami kenal pasti adalah untuk mengenalpasti tahap pencapaian kemahiran mendengar dan bertutur dalam kalangan pelajar, mencari punca-punca, masalah-masalah dan kesan-kesan pengabaian kemahiran mendengar dan bertutur dalam proses pengajaran dan pembelajaran, serta melihat perbezaan signifikan antara penutur jati dan bukan penutur jati dari segi pencapaian ujian kemahiran mendengar dan bertutur.

Soalan-soalan dalam kajian ini, bagi tujuan memenuhi objektif tersebut, adalah seperti berikut:

- a. Apakah tahap pencapaian pelajar dalam ujian kemahiran mendengar dan bertutur yang telah dijalankan?
- b. Adakah terdapat perbezaan signifikan antara penutur jati dan bukan penutur jati dari segi pencapaian dalam ujian?
- c. Apakah punca-punca yang menyebabkan kemahiran mendengar dan bertutur diabaikan?
- d. Apakah masalah-masalah yang menyebabkan kemahiran mendengar dan bertutur diabaikan?
- e. Apakah kesan-kesan yang timbul apabila kemahiran mendengar dan bertutur diabaikan?

HIPOTESIS, KEPENTINGAN DAN INSTRUMEN KAJIAN

Pengkaji telah membina hipotesis nul kajian yang berbunyi: *“Tidak terdapat perbezaan signifikan antara penutur jati dan bukan penutur jati dalam pencapaian ujian kemahiran mendengar dan bertutur”*.

Dapatan kajian ini memberi kesedaran kepada pengkaji dan guru Bahasa Melayu berhubung masalah dalam pengajaran dan pembelajaran yang kini melanda sistem pendidikan bahasa negara kita, khususnya dalam kaedah dan pedagogi mengajar kemahiran mendengar dan bertutur.

Selain itu kajian ini dapat mengenalpasti punca-punca, masalah-masalah dan kesan-kesan daripada kemahiran mendengar dan bertutur diabaikan, seterusnya mencari jalan penyelesaian untuk mengatasi masalah ini. Pengkaji juga ingin memberi kesedaran bahawa faktor etnik dan gangguan bahasa ibunda menyebabkan kemahiran ini sukar dikuasai dalam kalangan bukan penutur jati. Pengkaji ingin menyedarkan para guru tentang perbezaan jurang yang agak besar antara penutur jati dan bukan penutur jati dalam kajian ini dengan membina hipotesis nul.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran berbahasa, kajian ini amat berguna kerana boleh dimanfaatkan untuk meninjau, sama ada sukatan pelajaran yang sedia ada relevan atau tidak relevan dengan tuntutan kurikulum dan kehendak peperiksaan. Dapatan kajian ini juga boleh dijadikan garis panduan dalam penyediaan resolusi oleh pihak yang terlibat dalam penggubalan sukatan pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia dan seterusnya memperbaiki kualiti penulisan buku teks. Di samping itu kajian ini juga dapat membantu penulis buku teks dalam merangka aktiviti-aktiviti dan latihan-latihan yang bersesuaian untuk dimuatkan dalam buku teks, khususnya yang berkaitan dengan kemahiran mendengar dan bertutur.

Instrumen kajian ini dikategorikan kepada dua kategori, iaitu Model Ujian Lisan Bahasa Melayu dan borang soal selidik untuk pelajar, manakala borang soal selidik digunakan bagi tujuan mengumpul maklumat daripada guru.

Instrumen pertama, iaitu Model Ujian Lisan Bahasa Melayu dalam bentuk gambar, jadual dan teks yang digunakan untuk mengumpul maklumat tentang tahap penguasaan lisan para pelajar. Instrumen kedua, iaitu borang soal selidik dirancang khusus untuk guru-guru dan pelajar-pelajar.

Terdapat empat bahagian yang dikemukakan dalam soal selidik untuk guru. Kesemua soalan menggunakan skala likert. Bahagian A terdiri daripada item demografi guru; Bahagian B menyoal tentang punca kemahiran mendengar dan bertutur diabaikan (12 soalan); Bahagian C mengandungi 9 soalan tentang masalah kemahiran mendengar dan bertutur diabaikan; manakala Bahagian D pula ialah soalan mengenai kesan-kesan yang timbul apabila kemahiran mendengar dan bertutur diabaikan (8 soalan).

Borang soal selidik untuk pelajar pula terdiri daripada empat bahagian yang menggunakan skala likert. Bahagian A terdiri daripada demografi pelajar; Bahagian B tentang punca kemahiran mendengar dan bertutur diabaikan (10 soalan); Bahagian C pula mengenai masalah kemahiran mendengar dan bertutur diabaikan (9 soalan); manakala Bahagian D ialah kesan-kesan pengabaian kemahiran mendengar dan bertutur (8 soalan).

KAJIAN RINTIS, ANALISIS DATA DAN SUBJEK KAJIAN

Sebelum kajian sebenar dilaksanakan, penyelidik telah menjalankan kajian rintis ke atas 10 orang sampel yang mempunyai

ciri-ciri populasi. Antara tujuan kajian rintis ini dijalankan adalah untuk meningkatkan kesahan dalaman instrumen kajian. Berikutan itu beberapa soalan dalam setiap bahagian telah diprafrasakan supaya menjadi jelas untuk dijawab oleh responden.

Borang soal selidik tersebut telah diedarkan kepada guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu di 6 buah sekolah menengah. Mereka diberi masa 1 jam untuk menjawab soalan-soalan tersebut. Manakala soal selidik untuk pelajar pula ditadbirkan secara kelas dalam tempoh masa 30 minit. Ujian lisan ke atas 120 orang pelajar akan dijalankan secara berperingkat-peringkat yang melibatkan masa selama 3 minggu.

Data yang dikumpul diisi dalam borang dan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 12. Analisis deskriptif iaitu kekerapan, peratusan, dan kecenderungan memusat digunakan dalam tujuan penganalisan data. Pemaparan data-data seterusnya dibuat melalui jadual.

Subjek kajian ini terdiri daripada 30 orang guru mata pelajaran Bahasa Melayu dan 120 orang pelajar Tingkatan 5 di tiga buah sekolah menengah di Kuala Lumpur. Pemilihan subjek dilakukan secara rawak.

Dari segi sampel pelajar, pelajar keturunan Melayu membentuk majoriti sampel sebanyak 54 orang (45.0%); diikuti oleh pelajar Cina 45 orang (37.5%); pelajar India 20 orang (16.7%); dan pelajar etnik lain hanya 1 orang (0.8%) daripada jumlah sampel. Dengan kata lain, penutur jati merangkumi 45% daripada keseluruhan sampel, manakala 55% terdiri daripada penutur bukan jati.

Manakala responden guru terdiri daripada 30 orang, yang juga dipilih daripada 3 buah sekolah menengah kebangsaan yang sama. Dari segi etnik, guru Melayu sebanyak 21 orang, membentuk 70% berbanding hanya 9 orang (30%) guru bukan Melayu. Ini mencerminkan realiti bahawa lebih banyak guru Melayu mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu daripada bukan Melayu di sekolah.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini cuba menjawab lima soalan utama kajian. Bahagian ini akan cuba mengemukakan data empirikal bagi menjawab keenam-enam soalan kajian tersebut.

Pertama, apakah tahap pencapaian pelajar dalam ujian kemahiran mendengar dan bertutur yang telah dijalankan?

Jadual 2
Skor dalam Ujian Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Skor	Kekerapan	Peratus
80 – 100 (A)	35	29.2
70 – 79 (B)	28	23.3
60 – 69 (C)	46	38.3
40 – 59 (D)	11	9.2

Daripada jadual 2, markah ujian mendengar dan bertutur dibahagikan kepada empat kategori skor, iaitu A, B, C dan D. Seramai 46 pelajar mempunyai skor C, iaitu 38.3%. Kedua tertinggi ialah skor A iaitu 29.2%, dan paling sedikit ialah skor D iaitu 9.2%. Keputusan keseluruhan pelajar agak memuaskan kerana tiada pelajar yang gagal. Bilangan pelajar yang mendapat gred D tidak membimbangkan. Namun perlu ada usaha yang dilakukan oleh para guru dan pelajar untuk meningkatkan keputusan ke tahap yang lebih cemerlang.

Kedua, adakah terdapat perbezaan signifikan antara penutur jati dan bukan penutur jati dari segi pencapaian dalam ujian?

Jadual 3
Jadual Skor Ujian Kemahiran Mendengar dan Bertutur Mengikut Etnik

Etnik	Skor Ujian			
	80 – 100	70 – 79	60 – 69	40 – 59
Melayu	23 (65.7%)	15 (53.6%)	13 (28.3%)	3 (27.3%)
Cina	8 (22.9%)	6 (21.4%)	25 (54.3%)	6 (54.5%)
India	4 (11.4%)	7 (25.0%)	7 (15.2%)	2 (18.2%)
Lain-lain	0 (0.0)	0 (0.0)	1 (2.2%)	0 (0.0)
Jumlah	35 (100.0%)	28 (100.0%)	46 (100.0%)	11 (100.0%)

Daripada 35 orang yang mendapat Gred A dalam ujian mendengar dan bertutur, 65.7% terdiri daripada pelajar penutur jati,

manakala hanya 34.3% terdiri daripada pelajar bukan penutur jati. Daripada seramai 28 orang pelajar yang memperoleh skor B pula, 53.6% adalah pelajar Melayu, manakala penutur bukan jati terdiri daripada 46.4% sahaja. Sebanyak 46 orang pelajar mendapat skor C dalam ujian, membentuk majoriti sampel kajian. Dalam kalangan pelajar ini didapati lebih banyak penutur bukan jati berbanding penutur jati, iaitu 71.7% terdiri daripada pelajar Cina, India dan lain-lain, sebaliknya hanya 28.3% pelajar Melayu. Hanya 5 orang pelajar yang mendapat gred D (lemah). Daripada jumlah itu, 27.3% sahaja terdiri daripada pelajar Melayu, manakala 72.7% terdiri daripada penutur bukan jati. Maka data di atas jelas memaparkan bahawa pelajar Melayu mendapat skor ujian yang lebih baik daripada pelajar bukan Melayu.

Jadual 4
Jadual Kolerasi antara Etnik dengan Skor Lisan

		Etnik	Skor Ujian
Etnik	Pearson Correlation	1	,243(**)
	Sig. (2-tailed)	.	,008
	N	120	120

Jadual 4 jelas memaparkan wujudnya kolerasi antara etnik dan ujian lisan pada aras signifikan pada $p < 0.01$. Berikutan itu hipotesis nul yang mengatakan “tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara penutur jati dan bukan penutur jati dalam ujian kemahiran mendengar dan bertutur” ditolak.

Jadual 5
Persepsi Guru tentang Punca-punca Kemahiran Mendengar dan Bertutur Diabaikan

Butiran	1	2	3	4	5	Min
Aspek kemahiran mendengar dan bertutur amat penting.	5 (16.7%)	12 (40.0%)	5 (16.7%)	3 (10.0%)	5 (16.7%)	2.70
Mendapat respons positif daripada pelajar.	4 (13.4%)	11 (36.6%)	7 (23.4%)	7 (23.3)	1 (3.3)	2.80

Ajukan soalan kepada pelajar fasih sahaja.	-	1 (3.3%)	10 (33.3%)	13 (43.4%)	6 (20.0%)	3.80
Kemahiran interpersonal harus diterapkan dalam setiap sesi pengajaran.	1 (3.3%)	6 (20.0%)	9 (30.0%)	11 (36.6%)	3 (10.0%)	3.30
Pelajar bukan penutur jati tidak menguasai kosa kata.	-	1 (3.3%)	8 (26.7%)	13 (43.4%)	8 (26.7%)	3.93
Pelajar bukan penutur jati tidak yakin dengan kemampuan mereka berbahasa Melayu.	-	6 (20.0%)	12 (40.0%)	9 (30.0%)	3 (10.0%)	3.30
Pelajar tidak suka memberi pendapat secara lisan.	1 (3.3%)	-	5 (16.7%)	17 (56.6%)	7 (23.3%)	3.97
Banyak pelajar gemar menjadi pendengar pasif dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.	-	-	14 (46.7)	11 (36.7)	5 (16.7)	3.70
Pelajar menjadi pasif kerana tidak menggunakan kemahiran berfikir dalam P&P.	-	3 (10.0%)	8 (26.6%)	15 (50.0%)	4 (13.4%)	3.67
Pelajar menjadi pasif kerana tidak ada keyakinan diri.	-	4 (13.4%)	6 (20.0%)	12 (40.0%)	8 (26.7%)	3.80

1 paling tidak setuju, 2 tidak setuju, 3 agak setuju, 4 setuju, 5 paling setuju.

Ketiga, apakah punca-punca yang menyebabkan kemahiran mendengar dan bertutur diabaikan?

Jadual di atas jelas menunjukkan punca utama yang menyebabkan kemahiran mendengar dan bertutur diabaikan ialah ramai pelajar tidak suka memberi pendapat secara lisan semasa

pengajaran dan pembelajaran berlangsung di dalam kelas. Markat min untuk kenyataan ini paling besar pada 3.97 dengan kadar persetujuan sebanyak 96.7%. Punca kedua utama ialah bukan penutur jati tidak dapat menguasai kosa kata Bahasa Melayu dengan luas. Sebanyak 97.4% guru berpendapat sedemikian dengan markat min 3.93.

Lantaran itu 86.7% guru menganggap para pelajar menjadi pasif kerana tidak mempunyai keyakinan diri. Berikutan itu, 96.7% guru suka mengemukakan soalan kepada pelajar-pelajar yang fasih berbahasa Melayu untuk memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kelas. Kedua-dua punca ini mencatat markat min yang sama pada 3.8.

Punca yang paling kurang penting adalah tentang kepentingan kemahiran mendengar dan bertutur untuk diajarkan di dalam kelas dengan markat min pada 2.70. Sebanyak 56.7% guru berpendapat bahawa dua kemahiran itu tidak begitu penting dibandingkan dengan 33.3% berpendapat komponen ini penting. Ini diikuti oleh punca kurang mendapat respons positif daripada pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Sebanyak 50% guru menghadapi masalah tersebut dengan markat min 2.80.

Data tersebut jelas menunjukkan punca utama pengabaian kemahiran ini berlaku disebabkan oleh faktor pelajar itu sendiri yang gagal atau tidak berusaha mempertingkatkan kemahiran mendengar dan bertutur mereka.

Jadual 6
Persepsi Pelajar tentang Punca-punca Kemahiran Mendengar dan Bertutur Diabaikan

Butiran	1	2	3	4	5	Min
Tidak diberi peluang memberi pendapat secara lisan di dalam kelas.	42 (35.0%)	13 (10.8%)	63 (52.5%)	2 (1.7%)-	-	2.2
Tidak berminat mengambil bahagian dalam proses pembelajaran kemahiran mendengar dan bertutur.	71 (59.2)	25 (20.8%)	22 (18.3%)	2 (1.7%)-	-	1.6

Kecekapan berbahasa lemah.	78 (65.0%)	25 (20.8%)	17 (14.2%)	43 (35.8%)-	-	1.2
Tidak yakin memberi pendapat dalam Bahasa Melayu.	29 (24.2%)	29 (24.2%)	19 (15.8%)	24 (20.0%)	-	2.6
Masa yang diperuntukkan untuk bertutur dalam Bahasa Melayu amat kurang.	40 (33.3%)	8 (6.7%)	13 (10.8)	23 (19.2%)	37 (30.8%)	3.8
Tidak ambil berat akan kelemahan	11 (9.2%)	15 (12.5%)	35 (29.2%)	21 (17.5%)	8 (6.7%)	3.2
Lebih mudah menggunakan Bahasa Inggeris untuk berinteraksi.	14 (11.7%)	36 (30.0%)	24 (20.0%)	36 (30.0%)	10 (8.3%)	2.9
Guru beri kritikan negatif tentang cara bertutur dalam kelas.	22 (18.3%)	9 (7.5%)	45 (37.5%)	44 (36.7%)	-	2.9
Guru berfokus kepada kemahiran menulis dan membaca.	7 (5.8%)	27 (22.5%)	52 (43.3%)	24 (20.0%)	10 (8.3%)	3.3
Tidak dapat memahami bahasa yang digunakan oleh guru Bahasa Melayu.	52 (43.3%)	36 (30.0%)	21 (17.5%)	11 (9.2%)	-	1.9

Jadual 6 menunjukkan 10 punca pelajar mengabaikan kemahiran mendengar dan bertutur di dalam kelas. Sebanyak 60.8% responden pelajar bersetuju bahawa masa yang diperuntukkan oleh guru untuk mereka bertutur dalam Bahasa Melayu amat kurang. Punca ini merupakan sebab utama dua kemahiran itu diabaikan kerana markat minnya paling tinggi pada 3.8.

Punca kedua penting ialah guru suka memberi tumpuan lebih dalam aspek penulisan dan bacaan dibandingkan dengan aspek-aspek lain. Sebanyak 71.8% pelajar yang berpendapat demikian dengan markat min 3.3. Dari aspek sikap mengambil berat akan kelemahan bertutur, majoriti pelajar (78.4%) bersikap tidak acuh terhadap masalah ini. Dalam punca ini, pelajar penutur jati berpendapat bahawa Bahasa Melayu adalah bahasa ibunda, jadi

mereka mengabaikan keperluannya untuk menguasai kemahiran ini. Markat min item ini ketiga tinggi sebanyak 3.2.

Punca yang paling rendah markat min (1.2) ialah aspek kecekapan berbahasa pelajar. Didapati 50% pelajar menafikan diri mereka lemah berbahasa. Daripada 60 orang pelajar itu majoritinya terdiri daripada pelajar Melayu yang cekap dari segi kemahiran bahasa. Punca yang kedua terendah markat minnya pada 1.6 ialah sikap pelajar yang tidak berminat untuk mengambil bahagian dalam proses pembelajaran kemahiran mendengar dan bertutur. Sebanyak 61.4% pelajar yang menafikan mereka tidak berminat. Ini bererti kebanyakan pelajar yang berminat dalam kemahiran ini adalah pelajar Melayu yang menguasai kebolehan bertutur dalam bahasa ibunda berbanding penutur bukan jati.

Dalam memahami bahasa pertuturan guru Bahasa Melayu, sebanyak 34.7% pelajar kurang memahami bahasa pertuturan guru Bahasa Melayu. Majoriti pelajar tersebut terdiri daripada penutur bukan jati. Markat min item ini juga rendah pada 1.9, menunjukkan punca ini memerlukan tindakan guru untuk mempermudah bahasanya supaya proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung dengan lancar.

Keempat, apakah masalah-masalah yang menyebabkan kemahiran mendengar dan bertutur diabaikan?

Jadual 7
Persepsi Guru-guru tentang Masalah-masalah Kemahiran
Mendengar dan Bertutur

Item	1	2	3	4	5	Min
Tidak ada penekanan dalam aspek kemahiran mendengar dan bertutur.	-	2 (6.7%)	10 (33.3%)	16 (53.3%)	2 (6.7%)	3.6
Tidak cekap bertutur dalam Bahasa Melayu.	16 (53.3%)	14 (46.7%)	-	-	-	1.5
Kursus berkaitan kemahiran mendengar dan bertutur jarang diadakan.	-	-	-	13 (43.3%)	17 (56.7%)	4.6

Terpaksa mengajar Bahasa Melayu walaupun bukan opsyen.	12 (40.0%)	-	-	-	18 (60.0%)	3.4
Tidak pernah membaca bahan bacaan lain untuk menambahkan kecekapan berbahasa.	-	-	7 (23.3%)	11 (36.7%)	12 (40.0%)	4.2
Hambatan peperiksaan.	-	-	-	12 (40.0%)	18 (60.0%)	4.6
Kesukaran untuk mengawal bilik darjah.	-	-	8 (26.6%)	11 (36.7%)	11 (36.7%)	4.1
Kemahiran berba- hasa yang lain lebih penting.	-	-	10 (33.3%)	10 (33.3%)	10 (33.3%)	4.0
Penglibatan pasif dalam kalangan pelajar.	-	-	10 (33.3%)	10 (33.3%)	10 (33.3%)	4.0

Jadual 7 memaparkan beberapa masalah yang menyebabkan kemahiran mendengar dan bertutur diabaikan di dalam bilik darjah. Masalah kurang kursus kemahiran mendengar dan bertutur diadakan menunjukkan min yang paling tinggi, iaitu 4.6. Dalam aspek ini, 100% responden guru bersetuju dengan kenyataan tersebut. Markat min yang sama juga dicapai pada item hambatan peperiksaan. Seratus peratus responden guru menghadapi permasalahan tersebut. Kemahiran mendengar dan bertutur yang langsung tidak diuji dalam peperiksaan awam telah mencetuskan pemikiran kepada guru-guru untuk meminggirkan kemahiran tersebut dalam pengajaran dan pembelajaran.

Dengan markat min kedua tertinggi pada 4.2, maka 76.7% responden guru mengakui bahawa mereka tidak pernah membaca bahan bacaan lain untuk menambahkan kecekapan berbahasa mereka. Sikap kurangnya inisiatif ini memudaratkan keadaan dan menyebabkan kemahiran mendengar dan bertutur langsung diabaikan memandangkan guru juga mengalami kekurangan dari kemahiran bahasa tersebut.

Selain itu kesemua guru kurang menampilkan usaha untuk mengadakan sesi kemahiran mendengar dan bertutur kerana

menghadapi masalah kawalan kelas. Kesemua guru menyokong kenyataan tersebut dengan markat min 4.1. Apabila dua kemahiran itu diajar, biasanya keadaan dan suasana dalam bilik darjah akan menjadi bising kerana komunikasi dan interaksi guru-pelajar berlangsung. Untuk mengelakkan masalah tersebut, guru mengambil jalan mudah untuk tidak mengadakan aktiviti berkenaan.

Sistem pendidikan negara kita yang berorientasikan peperiksaan menyebabkan guru-guru mengabaikan kemahiran mendengar dan bertutur. Dua kemahiran ini dianggap boleh dikuasai secara semula jadi dan telah dikuasai sejak kecil lagi, oleh itu tidak perlu diberi penekanan langsung. Berikutan itu kemahiran bahasa yang lain, seperti menulis dan membaca, dianggap lebih penting daripada kemahiran mendengar dan bertutur di sekolah menengah. Selain itu penglibatan pasif pelajar juga merupakan antara masalah berkaitan dua kemahiran ini. Kesemua guru menyetujui dua kenyataan tersebut dengan markat min 4.0.

Kesemua responden guru menafikan kenyataan bahawa mereka tidak mempunyai kecekapan bertutur dalam Bahasa Melayu. Markat min dalam aspek ini adalah paling rendah, iaitu sebanyak 1.5. Guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap keupayaan berbahasa yang dimiliki.

Jadual 8
Persepsi Pelajar tentang Masalah-masalah Kemahiran
Mendengar dan Bertutur

Item	1	2	3	4	5	Min
Pelajar bukan penutur jati tidak menguasai kosa kata Bahasa Melayu.	19 (15.8%)	25 (20.8%)	32 (33.3%)	26 (26.7%)	18 (15.0%)	2.9
Pelajar terlalu yakin dengan kemampuan menggunakan Bahasa Melayu.	24 (20.0%)	26 (21.7%)	29 (24.2%)	24 (20.0%)	17 (14.2%)	2.8
Pelajar lebih yakin menggunakan bahasa ibunda dalam P & P.	10 (8.3%)	17 (14.2%)	30 (25.0%)	37 (30.8%)	26 (21.7%)	3.4

Pelajar hanya menggunakan Bahasa Melayu sekiranya disoal oleh guru Bahasa Melayu.	13 (10.8%)	27 (22.5%)	24 (20.0%)	16 (13.3%)	40 (33.3%)	3.5
Pelajar hanya mampu berfikir dalam bahasa ibunda.	1 (0.8%)	9 (7.5%)	22 (18.3%)	33 (27.5%)	55 (45.8%)	4.1
Pelajar tidak suka membaca bahan bacaan dalam Bahasa Melayu.	10 (8.3%)	17 (14.2%)	30 (25.0%)	37 (30.8%)	26 (21.7%)	3.4
Pelajar tidak suka dengan teknik sumbangsaran yang semasa proses P&P.	10 (8.3%)	17 (14.2%)	30 (25.0%)	37 (30.8%)	26 (21.7%)	3.4
Ibu bapa pelajar hanya bertutur dalam bahasa ibunda.	10 (8.3%)	17 (14.2%)	30 (25.0%)	37 (30.8%)	26 (21.7%)	3.4
Pelajar tidak digalakkan oleh ibu bapa untuk menggunakan Bahasa Melayu ketika di rumah.	10 (8.3%)	17 (14.2%)	30 (25.0%)	37 (30.8%)	26 (21.7%)	3.4

Jadual 8 memaparkan persepsi pelajar tentang masalah-masalah berkaitan kemahiran mendengar dan bertutur. Item keenam memperoleh markat min yang paling tinggi pada 4.1. Daripada 120 responden pelajar, 91.6% sentiasa berfikir dalam bahasa ibunda. Mereka bertindak sedemikian untuk memudahkan mereka mencari jawapan atau untuk memahami maksud yang disampaikan oleh guru mereka.

Masalah kedua yang dihadapi oleh pelajar ialah mereka hanya menjawab dalam Bahasa Melayu apabila disoal oleh guru Bahasa Melayu. Markat min ini adalah tinggi pada 3.5. Sebanyak 66.6% pelajar mengakui mereka berbuat demikian, menunjukkan bahawa penutur bukan jati berasa lebih selesa untuk bertutur dalam bahasa ibunda di sekolah. Maka peluang mereka berkomunikasi dalam Bahasa Melayu adalah terhad dalam kelas mata pelajaran Bahasa Melayu apabila diminta jawab dalam bahasa berkenaan.

Kenyataan tersebut dibuktikan bahawa 52.5% responden pelajar rasa lebih yakin menggunakan bahasa ibunda ketika proses pengajaran dan pembelajaran, dan 77.5% responden pelajar mendahulukan bahasa ibunda dalam kehidupan seharian. Malahan sebanyak 77.5% pelajar bertutur dalam bahasa ibunda dengan ibu bapa, dan mereka tidak digalakkan bertutur dalam Bahasa Melayu di rumah. Kesemua item tersebut memperoleh markat min sebanyak 3.4. Markat min yang paling rendah ialah item kedua pada 2.8. Daripada 120 responden pelajar, 41.7% tidak yakin untuk menggunakan Bahasa Melayu. Taburan responden ini terdiri daripada bukan penutur jati Bahasa Melayu. Manakala 58.3% responden pelajar yang yakin diwakili oleh responden penutur jati. Item kedua terendah pada 2.9 ialah masalah penguasaan kosa kata yang terhad dalam kalangan pelajar. Sebanyak 75% pelajar menghadapi masalah tersebut, yang majoritinya adalah bukan penutur jati Bahasa Melayu.

Kelima, *apakah kesan-kesan yang timbul apabila kemahiran mendengar dan bertutur diabaikan?*

Jadual 9
Persepsi Guru tentang Kesan-kesan Kemahiran Mendengar dan Bertutur Diabaikan

Kesan-kesan	1	2	3	4	5	Min
Ramai pelajar tidak suka memberi pendapat secara lisan.	-	-	-	12 (40.0%)	18 (60.0%)	4.6
Banyak pelajar gemar menjadi pendengar pasif dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.	-	-	9 (30.0%)	10 (33.3%)	11 (36.7%)	4.1
Pelajar menjadi pasif kerana tidak ada keyakinan diri.	-	-	9 (30.0%)	10 (33.3%)	11 (36.7%)	4.1
Pelajar tidak mampu menggunakan kemahiran berfikir dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.	-	-	9 (30.0%)	10 (33.3%)	11 (36.7%)	4.1
Pelajar kurang berminat apabila sesi pengajaran dan pembelajaran melibatkan kemahiran berfikir.	2 (6.7%)	14 (13.3%)	14 (13.3%)	10 (33.3%)	10 (33.3%)	3.7

Pelajar cepat bosan apabila sesi pengajaran dan pembelajaran melibatkan kemahiran bertutur.	6 (20.0 %)	10 (33.3%)	7 (23.3%)	4 (13.3%)	3 (10.0%)	2.6
Keputusan ULBS bagi keseluruhan kriteria tidak memuaskan dari kalangan penutur jati.	7 (23.3 %)	12 (40.0%)	11 (36.7%)	-	-	2.1
Keputusan ULBS bagi keseluruhan kriteria tidak memuaskan dari kalangan bukan penutur jati.	-	-	8 (26.7%)	14 (46.7%)	8 (26.7%)	4.0

Jadual 9 memaparkan persepsi guru tentang kesan-kesan yang timbul akibat daripada pengabaian kemahiran mendengar dan bertutur. Markat min yang tertinggi ialah item pertama pada 4.6. Daripada 30 responden guru, 100% guru bersetuju bahawa pelajar tidak suka memberi pendapat secara lisan. Hal ini timbul kerana mereka tidak yakin dengan kemampuan mereka menggunakan Bahasa Melayu dengan baik.

Di samping itu kesemua guru juga bersetuju bahawa para pelajar gemar menjadi pendengar pasif dalam pengajaran dan pembelajaran. Mereka pasif disebabkan tiada keyakinan diri dan tidak mampu menggunakan kemampuan berfikir. Masalah ini paling banyak dialami oleh penutur bukan jati kerana pengaruh kuat bahasa ibunda mereka. Mereka lebih gemar dan lebih selesa bertutur dalam bahasa ibunda, sama ada di rumah mahupun di sekolah. Keadaan itu menyebabkan mereka menghadapi masalah untuk menyampaikan idea atau pendapat dalam bilik darjah. Ketiga-tiga item ini memperoleh markat min yang sama pada 4.1.

Markat min yang paling rendah pada 2.1 ditemui dalam item 7. Lebih daripada separuh responden guru menafikan kenyataan bahawa pengabaian dua kemahiran ini menjejaskan prestasi ujian lisan bagi penutur jati. Hal ini bermakna bahawa pelajar keturunan Melayu mempunyai tahap penguasaan kemahiran tersebut dengan baik walaupun aspek tersebut diabaikan. Manakala markat min yang sederhana antara 2.6 hingga 4.1 terdapat pada item 2, 3, 4, 5, dan 6.

Jadual 10
Persepsi Pelajar tentang Kesan-kesan Kemahiran Mendengar dan Bertutur Diabaikan

Kesan-kesan	1	2	3	4	5	Min
Pelajar melibatkan diri setiap kali sesi soal jawab dijalankan.	27 (22.5%)	43 (35.8%)	39 (32.5%)	6 (5.0%)	5 (4.2%)	2.3
Pelajar lebih berminat dengan sesi pengajaran yang menggunakan kemahiran mendengar dan bertutur.	23 (19.2%)	38 (31.7%)	38 (31.7%)	14 (11.7%)	7 (5.8%)	2.5
Pelajar akan memberi pendapat secara lisan dengan sukarela.	31 (25.8%)	40 (33.3%)	32 (26.7%)	11 (9.2%)	6 (5.0%)	2.3
Pelajar tidak mampu menggunakan kemahiran berfikir dengan baik semasa proses pengajaran dan pembelajaran.	19 (15.8%)	31 (25.8%)	36 (30.0%)	31 (25.8%)	3 (2.5%)	2.7
Pelajar tidak suka menjawab soalan yang memerlukan mereka berfikir secara kreatif dan kritis.	8 (6.7%)	15 (12.5%)	35 (29.2%)	31 (25.8%)	31 (25.8%)	3.5
Pelajar tidak mampu mengeluarkan pendapat secara spontan.	8 (6.7%)	15 (12.5%)	35 (29.2%)	31 (25.8%)	31 (25.8%)	3.5
Ujian lisan membebankan pelajar.	7 (5.8%)	13 (10.8%)	47 (39.2%)	45 (37.5%)	8 (6.7%)	3.2
Ujian lisan tidak dapat meningkatkan kemahiran mendengar dan bertutur pelajar.	40 (33.3%)	8 (6.7%)	12 (10.0%)	23 (19.2%)	37 (30.8%)	3.1

Jadual 10 memaparkan persepsi pelajar berhubung kesan-kesan yang timbul akibat pengabaian kemahiran mendengar dan bertutur. Sebanyak 80.8% pelajar tidak mampu mengeluarkan pendapat secara spontan dan tidak suka menjawab soalan pemikiran kreatif dan kritis. Hal ini terjadi kerana kurangnya penekanan guru terhadap aspek-aspek kemahiran mendengar dan bertutur. Markat min kedua-dua item ini adalah paling tinggi pada 3.5.

Selain itu sebanyak 83.4% responden pelajar menganggap ujian lisan yang dijalankan membebankan mereka, malahan 60% responden pelajar berpendapat ujian lisan tersebut tidak dapat meningkatkan kemahiran mendengar dan bertutur mereka. Hal ini bererti Ujian Lisan Berdasarkan Sekolah (ULBS) yang dilaksanakan sekarang tidak mencapai matlamatnya. Markat min kedua-dua item ini ialah 3.2 dan 3.1.

Markat min paling rendah pada 2.3 terdapat pada dua item, iaitu item 1 dan item 3. Sebanyak 58.3% responden pelajar tidak melibatkan diri dalam semua sesi soal jawab dalam bilik darjah. Mereka lebih gemar menjadi pendengar pasif dan tidak perlu menggunakan kemahiran berfikir secara optima. Selain itu sebanyak 40.9% responden pelajar akan memberikan pendapat secara lisan dengan sukarela. Golongan ini didapati mempunyai keyakinan untuk memberikan pendapat dan mempunyai kebolehan berbahasa dengan baik. Manakala item 2, 4, 7 dan 8 mencatatkan markat min antara 2.5 hingga 3.2.

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat banyak kekurangan dalam kemahiran mendengar dan bertutur dalam kalangan pelajar, terutamanya pelajar bukan penutur jati. Perbezaan signifikan yang jelas antara penutur jati dan bukan penutur jati hasil daripada keputusan ujian kemahiran mendengar dan bertutur yang dijalankan menyebabkan hipotesis nul ditolak.

Menurut Abdul Aziz Abdul Talib (2000) dan Zulkifley Hamid (2005), sebagai penutur natif, pelajar-pelajar Melayu tidak menghadapi banyak masalah dalam menguasai kemahiran itu sebab mereka sudah biasa menggunakannya dalam pertuturan harian. Namun, mereka sering menghadapi kesukaran dalam menuturkan wacana ataupun tajuk perbincangan yang memerlukan pengorganisasian idea supaya kelihatan tersusun dan mudah difahami. Masalah utama yang dihadapi oleh bukan penutur jati pula adalah faktor gangguan bahasa ibunda. Bagi Kamarudin Husin (1999), pelajar-pelajar bahasa kedua yang sudah dewasa adalah sukar untuk membetulkan kesalahan sebutan bunyi bahasa, disebabkan oleh faktor sifat fizikal manusia dan gangguan dari kebiasaan bahasa ibunda pelajar. Masalah ini semakin meruncing lebih-lebih lagi jika pelajar tersebut mendapat pendidikan awal daripada sekolah rendah jenis kebangsaan.

Punca utama guru kurang menekankan dua kemahiran itu disebabkan pelajar tidak suka memberi pendapat secara lisan akibat penguasaan kosa kata yang kurang dan tidak yakin diri. Pelajar pula menganggap guru tidak memperuntukkan masa yang secukupnya untuk mengajar dua kemahiran itu dan lebih memfokuskan kemahiran menulis dan membaca. Sebenarnya punca-punca tersebut saling berkait, iaitu sikap guru yang mengabaikan kemahiran mendengar dan bertutur dalam pengajaran dalam bilik darjah menyebabkan pelajar tidak yakin untuk memberi pendapat secara lisan.

Dari perspektif guru, masalah utama pengabaian tersebut timbul berikutan kursus-kursus tentang dua kemahiran itu jarang diadakan oleh KPM (Kementerian Pelajaran Malaysia) selain mereka menghadapi hambatan peperiksaan. Di pihak pelajar, mereka menghadapi masalah gangguan bahasa ibunda. Mereka sentiasa berfikir dalam bahasa ibunda supaya memahami pengajaran guru. Keadaan ini berkait rapat dengan faktor ahli keluarga dan rakan-rakan sebaya yang cenderung bertutur dalam bahasa ibunda dengan mereka. Oleh itu mereka rasa lebih selesa untuk berfikir dan bertutur dalam bahasa mereka. Malahan mereka hanya menjawab dalam Bahasa Melayu apabila disoal oleh guru Bahasa Melayu.

Akibat pengabaian pengajaran kemahiran mendengar dan bertutur, para pelajar tidak mampu memberi pendapat secara lisan, tidak boleh berfikir secara kreatif dan tidak menguasai kebolehan bertutur secara spontan. Mereka lebih suka menjadi pendengar pasif dalam bilik darjah. Keadaan ini turut menjejaskan kemahiran berfikir dan interpersonal para pelajar sehingga potensi, bakat dan kebolehan mereka tidak dapat dikembangkan kerana gagal menguasai kemahiran bertutur yang berkesan.

Badan Perancang Kurikulum di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia sebenarnya telah merangka pelbagai kemahiran serta kaedah yang bertepatan dalam sukatan pelajaran untuk merealisasikan aspirasi negara. Oleh itu, guru bahasa haruslah peka dan prihatin dengan peranan masing-masing. Mereka sepatutnya bertindak sebagai fasilitator yang membimbing, mengasah dan menajamkan kemahiran mendengar dan bertutur para pelajar.

Rasionalnya, ia dapat membentuk serta membina keterampilan para pelajar dalam berkomunikasi, malahan memupuk pemikiran kritis mereka dalam membuat penilaian atau kesimpulan tentang sesuatu perkara yang didengar. Kemahiran ini amat penting bagi

menyediakan para pelajar dalam hubungan sosial dengan individu dan interaksinya dalam masyarakat. Pendek kata, melalui kemahiran ini guru bukan sahaja memenuhi keperluan pendidikan di peringkat persekolahan tetapi sebagai persediaan kepada pelajar apabila mereka menceburi bidang pekerjaan kelak.

Namun demikian, bagaimanakah hasrat ini dapat dijayakan sekiranya sejak awal lagi komponen penting ini dipandang enteng? Siapakah yang harus dipersalahkan sekiranya para pelajar yang meninggalkan bangku sekolah tidak mempunyai kebolehan berkomunikasi yang berkesan serta keupayaan melahirkan idea-idea yang kritis, bahkan kelemahan mereka mendengar dan bertutur telah menyebabkan ramai graduan gagal mendapatkan pekerjaan?

Kepentingan kemahiran interpersonal ini diperkukuhkan lagi dengan pendapat J. Hayers (2002) yang mendapati bahawa kemahiran interpersonal penting untuk memperoleh pekerjaan yang stabil serta amat diperlukan oleh majikan. A.J. Dubrin (2004) pula menyarankan supaya semua graduan universiti memiliki kemahiran komunikasi lanjutan. Kajian beliau telah mempengaruhi sistem pendidikan di Amerika Syarikat dengan peningkatan komponen kemahiran lisan yang berkesan. Dalam pada itu, S. Fritz (2005) pula mengenal pasti bahawa kebolehan berkomunikasi yang baik adalah kemahiran yang bermanfaat dalam menjalin hubungan antara manusia, selain membentuk gaya kepimpinan yang tinggi.

Untuk mengatasi masalah ini, pihak pentadbir – selain guru – haruslah memainkan peranannya. Usaha pemantauan serta tindakan susulan haruslah dilakukan dari semasa ke semasa agar pengajaran komponen ini tidak terus diabaikan. Pihak pentadbir juga boleh menyediakan modul-modul yang lengkap tentang perkaedahan serta teknik pengaplikasian untuk menjanakan kemahiran mendengar dan bertutur ini dalam bilik darjah. Kursus-kursus berupa *inhouse training* dengan menjemput tenaga profesional dari luar boleh diadakan. Dengan cara ini guru-guru akan mendapat motivasi dan pendedahan yang secukupnya, seterusnya tiada alasan untuk mengabaikan komponen penting ini dalam pengajaran bahasa.

Kajian tindakan atau kajian kes boleh dilakukan oleh guru untuk membuat refleksi diri tentang pengajaran kemahiran ini di dalam kelas. Selepas sesuatu kajian kes dilakukan, seseorang guru itu lebih sedar tentang keperluan dan minat mereka untuk menguasai kemahiran ini. Guru juga akan lebih prihatin akan kehendak pelajarannya dan sedar akan kelemahan dirinya dan menggunakan

strategi yang sesuai untuk pengajaran komponen kemahiran ini. Strategi pengajaran yang berbeza dengan pelajar yang berbeza tahap pemikiran dan latar belakang demografinya mempengaruhi cara pelajar belajar, terutamanya dalam kalangan pelajar lemah ataupun pelajar bukan Melayu yang mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Aspek pendidikan dan latihan guru Bahasa Melayu di universiti ataupun di institusi pendidikan guru perlu dimantapkan. Ini boleh dilakukan dengan memberi pendedahan secukupnya kepada guru tentang kaedah atau strategi pengajaran terkini seperti strategi koperatif, masteri, konstruktivisme, kontekstual, pengajaran berasaskan pengalaman, pengajaran berpandukan teknologi dan lain-lain yang boleh membantu pengajaran komponen kemahiran ini di dalam kelas.

Pihak kementerian serta jabatan juga harus sedar dan memberikan kerjasama dari sudut kewangan, sumbangan khidmat nasihat serta tenaga profesional yang diperlukan. Seterusnya penyediaan bilik darjah yang lebih kondusif dengan alatan multi media membantu meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran ini. Dengan kerjasama dari semua pihak, kemahiran tersebut akan terlaksana dan akan dapat merealisasikan hasrat untuk melahirkan insan yang berketerampilan, seimbang jasmani dan rohani.

RUMUSAN

Kemahiran mendengar dan bertutur adalah dua aspek paling asas dan penting dalam kehidupan seharian kita. Dua kemahiran itu perlu dipelajari secara sistematik dan berterusan di sekolah-sekolah. Namun, kemahiran mendengar dan bertutur di peringkat sekolah menengah langsung diabaikan akibat sistem pendidikan negara kita yang berorientasikan peperiksaan. Peperiksaan awam yang hanya menitikberatkan kemahiran penulisan menyebabkan guru-guru terus mengabaikan kemahiran mendengar dan bertutur. Keadaan tersebut meninggalkan kesan yang mendalam dari jangka masa panjang di mana generasi yang dilahirkan tidak mampu menyampaikan idea, pendapat atau pandangan yang bernas, kreatif dan kritis dengan memuaskan. Justeru kesedaran dan kerjasama semua pihak sangat penting untuk memandu arah pendidikan negara kita ke landasan Falsafah Pendidikan Negara, iaitu melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Bibliografi

- Abdul Aziz Abdul Talib. (1993). *Menguji Kemahiran Bahasa: Prinsip, Teknik dan Contoh*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Aziz Abdul Talib. (2000). *Pedagogi Bahasa Melayu: Prinsip, Kaedah dan Teknik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Asmah Haji Omar. (2004). *Penyelidikan, Pengajaran dan Pemupukan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dubrin, A.J. (2007). *Human Relations: Interpersonal Job-Oriented Skills*. New Jersey: Pearson Prentice Hall, edisi ke-9.
- Feyten, C.M. (1991). "The Power of Listening Ability: An Overlooked Dimension of Language Acquisition" dalam *The Modern Language Journal*, 75(2), ms.173-180.
- Fritz, S. (2005). *Interpersonal Skills for Leadership*. New Jersey: Pearson Prentice Hall, edisi ke-2.
- Hayers, J. (2002). *Interpersonal Skill at Work*. Hove: Routledge Publisher, edisi ke-2.
- Kamarudin Husin. (1999). *Pengajaran Lisan: Kemahiran Mendengar dan Bertutur*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn.Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1983). *Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia: Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1988). *Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia: Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raminah Sabran. (1991). *Kecekapan Berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Roselan Baki. (2006). "Interaksi Lisan Pengajaran dan Pembelajaran Penulisan Bahasa Melayu: Potensi yang Terabai". *Kertas Kerja* dalam Seminar Memperkasakan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Sistem Persekolahan, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka di Kuala Lumpur pada 19-21 Disember.
- Widdowson, H.G. (1983). *Learning Purpose and Language Use*. Oxford: Oxford University Press.
- Malamah-Thomas. (1987). *Classroom Interactive*. Oxford: Oxford University Press.
- Mazlan Rais. (2000). "Kemahiran Mendengar: Asas Kemahiran Berbahasa" dalam *Jurnal Bahasa*, 44(6), ms.701-714.
- Rankin, J.A. (1999). *Handbook on Problem-Based Learning*. New York: Forbes Custome Publishers.
- Rivers, W.M. (1987). *Interactive Language Teaching*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Yahya Othman. (2005). *Trend dalam Pengajaran Bahasa Melayu*. Kuantan: PTS Profesional.
- Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi & Jamaluddin Badusah. (2006). "Strategi Pembelajaran Bahasa antara Pelajar Melayu, Cina dan India ketika Belajar Bahasa Melayu di Luar Kelas: Satu Kajian Kes Melalui Kaedah Temu Bual". *Kertas Kerja* dalam Seminar Memperkasakan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Sistem Persekolahan, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka di Kuala Lumpur pada 19-21 Disember.
- Zulkifley Hamid. (2005). *Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



Cara seseorang itu berbahasa mencerminkan kecerdasan bahasanya
(Sumber: Majalah *Devuan Bahasa*, April 2006, hlm. 23)